

## **PERSEPSI GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENTAKSIRAN DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN SEKOLAH RENDAH**

Artika Rasul bin Sulaiman  
Universiti Malaysia Pahang  
[artikarasul@yahoo.com](mailto:artikarasul@yahoo.com)

### **Abstrak**

*Umum mengetahui bahawa pentaksiran dalam kurikulum adalah merupakan pakej pelengkap dalam model pengajaran dan pemudahcaraan dan merupakan faktor penentu dalam mencorak pemahaman dan penguasaan bagi pencapaian akademik seseorang murid. Selain dari memberi impak terhadap perkembangan potensi kecemerlangan akademik murid ia juga mampu menilai keberkesanan pengajaran guru itu sendiri dan ia adalah sesuatu yang boleh diukur. Kajian ini memberi tumpuan yang khusus dalam meneroka tahap persepsi guru Pendidikan Islam Daerah Pekan dalam melaksanakan pentaksiran mata pelajaran dengan menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Seramai 145 guru Pendidikan Islam yang terdiri daripada lima kelompok iaitu Bandar (14.5 peratus), Peramu (26.9 peratus), Pantai (27.6 peratus), Paloh Hinai (13.1 peratus) dan Chini (17.9 peratus). Hasil dapatan kajian menunjukkan bilangan responden perempuan 82 orang (56.6 peratus) melebihi responden lelaki seramai 63 orang (43.4 peratus). Populasi umur responden yang paling tinggi adalah dalam lingkungan 40-an iaitu seramai 76 orang (52.4 peratus) dan kesemua responden adalah berbangsa melayu (100.0 peratus). Setiap hipotesis telah diuji dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Versi 23.0. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan tahap persepsi berdasarkan faktor jantina dan kelompok bagi guru-guru Pendidikan Islam terhadap pentaksiran Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) adalah sederhana dengan nilai mean 3.31.*

*(Kata kunci : Persepsi, Guru Pendidikan Islam, Pentaksiran , Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).*

## PENDAHULUAN

Kecemerlangan murid secara holistic adalah merupakan matlamat kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan merupakan inspirasi kepada matlamat Pendidikan Islam iaitu melahirkan muslim yang berilmu, berketerampilan, beramal soleh dan berakhhlak mulia. Kecemerlangan seseorang pelajar dalam kurikulum dan sahsiah sangat berkait rapat dengan sikap profesionalisme guru dalam membina manusia secara menyeluruh seperti jasmani, intelek dan rohnya (Muhammad Qutb, 1988), peningkatan keterampilan dalam pedagogi dan kandungan bagi bidang ilmu tertentu (Timperley, 2005), pemantauan murid secara berkala (Hallinger dan Murphy, 1986), penggunaan pelbagai strategi dengan menggunakan data penilaian bagi memantau pengajaran (Murphy, 1990), menyampaikan maklumat data murid kepada pihak berkepentingan, menilai kualiti pengajaran dan pembelajaran serta kemajuan sekolah secara konsisten (Murphy, 1990).

Dengan perubahan trend pentaksiran, adakah guru mampu memenuhi keperluan dan persediaan masa depan yang bakal mengubah corak daya kefahaman, daya fikir dan inovasi, daya juang dan perubahan tingkah laku serta dapat menyesuaikan keperluan-keperluan baru dan semasa sifatnya? Namun hakikat keberkesanannya sangat bergantung kepada sikap profesionalisme, kompetensi, serta berkemampuan mengorientasikan segala kefahaman dan kemampuan dalam proses PdPC. Black dan William (1998) dalam laporannya menyatakan bahawa pentaksiran guru merupakan kriteria yang penting dalam memperkayakan pengalaman pembelajaran bagi mencapai tahap pendidikan yang berkualiti.

## LATAR BELAKANG MASALAH

Dapatan kajian mengenai perubahan corak pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) KSSR berorientasikan kepada Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran dilakukan adalah akibat daripada perubahan teknologi dan tuntutan sosial (Dennison, 1988), faktor persekitaran yang mendesak, peralihan cita rasa manusia dan perubahan sosial dan ekonomi (Hargreaves, 1994). Perubahan ini menuntut lebih banyak penyesuaian terhadap perubahan corak pentaksiran itu sendiri yang menuntut agar minda pelajar dijana, dicabar dan dibuka agar mereka dapat dilatih untuk berdikari dan bersedia menghadapi masa hadapan yang tidak menentu (Rahimah Hj. Ahmad, 1999). Justeru, guru seharusnya mampu meletakkan objektif yang jelas, membuat penambahbaikan, membuat keputusan, mengorganisasi dan melaksanakan pengajaran (Schmoker, 2006) dalam menentukan arah tuju yang hendak dihasilkan khususnya dalam kurikulum Pendidikan Islam.

Ketidaktepatan guru memahami konsep pendidikan dan kurikulum Pendidikan Islam, kekurangan guru profesional dan wibawa, kelemahan metodologi pengajaran, ketidakcekapan dalam infrastruktur pengurusan kurikulum, ketidakjelasan konsep perhubungan guru-murid, kekurangan buku rujukan, persekitaran yang tidak kondusif dan aktiviti kurikulum yang tidak selari dengan dengan misi dan visi Islam juga pelaksanaannya tidak seiring dengan falsafah kerana keterikatan dengan pencapaian kognitif yang terlalu berorientasikan peperiksaan (Noor Hisyam Md Nawi, 2011). Tidak kurang juga yang menghadapi masalah psikologi seperti kebimbangan, konflik, rasa rendah diri, gangguan emosi dan rasa tidak selamat (Fullan & Miles, 1992) dan kurang bergembira dalam melaksanakan sesuatu perubahan di sekolah kerana terpaksa berhadapan dengan karenah birokrasi yang cerewet dan menyusahkan (Slavin, 1990). Aspek ini membawa kepada persoalan bersediakah guru-guru dan para pendidik melaksanakan perubahan yang mendatang dari masa ke semasa (Levin & Riffle, 1998). Justeru, fenomena tersebut perlu dikaji bagi mengenal pasti persepsi, adakah pengaruh demografi guru dan sekolah menjadi dominan dalam menentu dan meramal kesediaan pentaksiran yang berkesan.

## **PENYATAAN MASALAH**

Pentaksiran melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) merupakan dokumen yang memandu guru dalam merancang, melaksanakan dan membuat penambahbaikan dalam satu-satu sesi pengajaran. Penyataan dalam kandungan DSKP dinyatakan dengan jelas dan bersistematik yang mana murid perlu dibekalkan dengan segala keperluan bagi mencapai setiap objektif dan tahap penguasaan yang telah ditetapkan dalam dokumen berkenaan. Bentuk pentaksiran perlu dinyatakan dengan jelas diperangkat perancangan serta dilaksanakan dengan mengambil kira tahap keupayaan murid yang pelbagai serta dapat dibuktikan melalui eviden yang guru sendiri tetapkan. Situasi ini memberi cabaran terhadap keupayaan serta kemahiran guru, walaupun DSKP dibentuk bagi tujuan memudahkan guru. Oleh yang demikian satu kajian perlu dilakukan bagi melihat persepsi guru Pendidikan Islam terhadap keberkesanan amalan pentaksiran ini.

## **MATLAMAT DAN OBJEKTIF KAJIAN**

Tujuan umum penyelidikan ini adalah untuk mengkaji sejauh mana persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pentaksiran dalam Dokumen Standar Kurikulum dan Pentaksiran bagi Kurikulum Standard Sekolah Rendah. Antara objektif khusus kajian pula adalah :

1. Mengenal pasti persepsi guru Pendidikan Islam terhadap kandungan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran dari aspek jantina, pengalaman dan kelompok .
2. Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan signifikan persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pentaksiran Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran dari aspek jantina, pengalaman dan kelompok.

## **METODOLOGI KAJIAN**

### *Rekabentuk Kajian*

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif deskriptif yang bertujuan untuk meninjau dan mengenal pasti persepsi guru -guru Pendidikan Islam terhadap pentaksiran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. Populasi kajian merupakan guru-guru Pendidikan Islam di sekolah rendah di daerah Pekan yang berjumlah 235 berdasarkan BSKG semasa. Persampelan rawak kelompok digunakan dalam kajian ini melibatkan Kelompok Bandar, Pantai, Peramu, Paloh Hinai dan Chini dan mensasarkan seramai 145 responden sebagai maklum balas terhadap kajian. Instrument soal selidik dijalankan menerusi atas talian, iaitu perisian *google docs*, disamping edaran borang soal selidik secara manual. Analisis data yang dijalankan adalah secara data kuantitatif.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Demografi**

Hasil daripada kajian didapati seramai 145 bilangan responden telah menjawab memulangkan semula instrument soal selidik yang telah dikemukaka. Seramai 63 orang (43.4 peratus) adalah guru lelaki dan guru perempuan seramai 82 orang (56.4 peratus). Dapatkan data melalui pengalaman responden mendapati 56 orang (38.6 peratus) tempoh 11 hingga 15 tahun diikuti 50 orang (34.5 peratus) antara 6 hingga 10 tahun, 19 orang (13.1 peratus) antara 16 hingga 20 tahun, 10 orang (6.9 peratus) antara 21 hingga 25 tahun, 4 orang (2.8 peratus) pengalaman

mengajar 31 tahun ke atas dan masing-masing 3 orang (3.0 peratus) pengalaman mengajar antara 0 hingga 5 tahun dan 26 hingga 30. Hasil kajian juga mendapati responden daripada kelompok Bandar seramai 21 orang (14.5 peratus), kelompok Pantai 40 orang (27.6 peratus), kelompok Peramu 39 orang (26.9 peratus), kelompok Paloh Hinai 19 orang (13.1 peratus) dan kelompok Chini 26 orang (17.9 peratus).

### **Persepsi Guru Pendidikan Islam Terhadap Pentaksiran Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran (DSKP).**

Berdasarkan Jadual 1 di bawah, didapati tahap persepsi Guru Pendidikan Islam berdasarkan faktor jantina adalah tinggi dengan nilai mean bersamaan 3.96. Manakala tahap persepsi berdasarkan faktor pengalaman dan faktor kelompok adalah sederhana dengan nilai mean 3.01 dan 2.96. Nilai mean keseluruhan tahap persepsi guru Pendidikan Islam adalah pada tahap yang sederhana, iaitu dengan nilai mean bersamaan 3.31.

Jadual 1 Tahap persepsi Guru Pendidikan Islam terhadap pentaksiran (DSKP).

Tahap Persepsi	Rendah (Mean 1.0 - 2.33)	Sederhana (Mean 2.34 - 3.67)	Tinggi (Mean 3.68 - 5.0)
Jantina			3.96
Pengalaman	3.01		
Kelompok	2.96		
<b>Keseluruhan</b>		<b>3.31</b>	

Jika diperincikan kajian terhadap pengalaman didapati terdapat sedikit perbezaan antara guru lelaki dan perempuan walaupun faktor ini mempunyai kedudukan pada tahap persepsi yang sama iaitu sederhana. Jadual 2 menunjukkan tahap persepsi guru lelaki dengan nilai mean 2.75 dan guru perempuan menunjukkan nilai mean 3.29. Persoalannya, adakah perbezaan ini suatu perbezaan yang signifikan secara statistikal bagi kedua-dua nilai mean yang diperolehi tersebut?

Jadual 2 Tahap persepsi Antara Guru Lelaki dan Perempuan terhadap pentaksiran (DSKP).

Tahap Persepsi	Rendah (Mean 1.0 - 2.33)	Sederhana (Mean 2.34 - 3.67)	Tinggi (Mean 3.68 - 5.0)
Pengalaman	3.01		
Lelaki	2.75		
Perempuan	3.29		

### **Analisis Perbezaan**

Terdapat tiga hipotesis null bagi kajian ini.

1. *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina.*
2. *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan pengalaman.*
3. *Tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan kelompok.*

Berdasarkan ujian t dalam Jadual 3 menunjukkan tahap signifikan bagi persepsi guru Pendidikan Islam berdasarkan jantina adalah  $p= 0.00$ . Tahap signifikan ini adalah lebih kecil pada aras keertian  $\alpha = 0.05$  ( $p<0.05$ ). Oleh itu secara statistik, bererti tahap persepsi antara guru lelaki dan perempuan terhadap pentaksiran DSKP adalah berbeza. Hipotesis null bagi kajian ini adalah ditolak. Begitu juga dengan faktor pengalaman turut menunjukkan dibawah

aras keertian  $\alpha = 0.05$  ( $p<0.05$ ) yang mana nilai  $p=0.00$ , hasil dapatan ini juga faktor pengalaman juga adalah perbezaan. Oleh yang demikian, hipotesis null kajian ini di tolak.

Jadual 3 Ujian Perbezaan Ujian T Bagi Faktor Jantina Dan Pengalaman

Test Value = 0

	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Lower	Upper
Jantina	37.899	144	.000	1.56552	1.4839	1.6472
Pengalaman	30.352	144	.000	3.05517	2.8562	3.2541

$\alpha = 0.05$

Berdasarkan Jadual 4 perbezaan anova bagi faktor kelompok menunjukkan nilai  $p = 0.018$ , adalah lebih besar dari nilai aras keertian  $\alpha = 0.05$ . Ini menggambarkan bahawa tidak terdapat perbezaan persepsi antara kelompok Bandar, Pantai, Peramu, Paloh Hinai dan Chini. Oleh yang demikian, hipotesis null kajian di terima.

Jadual 4 Analisis Perbezaan Anova Bagi Faktor Kelompok

Anova					
	Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Between Groups	115.388	50	2.308	1.659	.018
Within Groups	130.777	94	1.391		
Total	246.166	144			

## PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian, terdapat beberapa perkara yang dapat dirumuskan mengenai persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pentaksiran bagi pentaksiran DSKP berdasarkan faktor jantina, pengalaman dan kelompok.

Tahap persepsi guru Pendidikan Islam terhadap pentaksiran DSKP secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang sederhana iaitu dengan nilai min 3.31. Bagi faktor jantina (min 3.98), pengalaman ( min 3.01) dan kelompok (min 2.96). Ini mungkin berikutan pemahaman terhadap model pentaksiran dalam pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) adalah tidak menyeluruh. Dari segi amalan yang biasa dalam PdPc, kemungkinan guru-guru pendidikan Islam daerah Pekan masih menggunakan pendekatan linear berbanding modular dalam merancang dan melaksanakan proses PdPc sedangkan dalam model linear tersebut tidak dinyatakan secara khusus bagaimanakah corak dan gaya pentaksiran harus dilaksanakan.

Perbandingan penggunaan modul linear dan modular dapat dilihat dari kajian yang dilakukan oleh Sukri & Low, konsep modul (modular) dapat memanfaat responden (80.18 peratus) kerana ia adalah lebih jelas dan mudah, isi kandungan jelas dan mudah difahami, aktiviti pembelajaran menepati sukatan PdPc. Dari sudut pendedahan maklumat ,Suah See Ling, Ong Saw Lan dan Shuki Osman (2009) menjelaskan kebanyakan guru-guru sekolah memperoleh pengetahuan tentang pentaksiran daripada kursus-kursus dalam perkhidmatan, iaitu seramai 68.3% daripada responden menyatakan bahawa mereka memperoleh pengetahuan tentang pentaksiran semasa menghadiri kursus-kursus dalam perkhidmatan. Seramai 41.5% daripada responden telah memperoleh pengetahuan pentaksiran daripada guru-guru lain atau pun rakan sejawat sebaliknya

Dalam memastikan pembaharuan dalam konteks penilaian prestasi murid dilaksanakan dengan berkesan, adalah penting bagi guru untuk mempertingkatkan profesionalisme mereka

khususnya dalam perubahan yang berlaku dalam dunia pendidikan. mempertingkatkan pengalaman dan pengetahuan baru dalam membangunkan profesional mereka, disamping membantu guru dalam mengubah amalan sedia ada khususnya amalan khidmat bimbingan. Kajian Joyce dan Showers (1998) dan Reynolds (1995) menunjukkan ramai guru masih lemah dalam kemahiran mengajar dan guru-guru baru khususnya mempunyai pemahaman pegagogi yang terhad. Noor Erma Abu et.al (2014) turut menyatakan bahawa antara faktor yang mempengaruhi pencapaian murid adalah sikap, minat dan gaya pengajaran guru. Kenyataan ini juga turut disokong Ridzuan (2002), Noor Erma dan Leong (2014) yang menyatakan kepelbagaian kaedah pengajaran guru yang disesuaikan dengan tahap kecerdasan serta mengatakan sikap dan minat merupakan faktor penting dalam menentukan pencapaian murid.

Dapatkan kajian turut mendapati faktor pengalaman boleh meningkatkan prestasi kerja. Alasan utama bagi hasil dapatan sedemikian dalam kajian ini adalah guru berkeupayaan melaksanakan tanggungjawab yang diberi, serta bebas melaksanakan tugas mengikut kaedah sendiri. Dalam konteks ini, walaupun tahap beban tugas yang dipikul adalah tinggi, namun guru-guru mampu membina diri dan pasukan yang berkesan, serta memberi kesan positif dalam mengurus Panitia dan pasukan. Situasi ini turut menunjukkan bahawa guru-guru Pendidikan Islam di daerah ini berpuas hati dengan tanggung yang di amanahkan kepada mereka.

Dapatkan data melalui faktor pengalaman mendapati responden yang berkhidmat antara 11 hingga 15 tahun (38.6 peratus) adalah dalam kalangan guru yang paling ramai. Muhd Nor Mahmud (1994) melalui kajiannya mendapati kaitan antara kesediaan dan pengalaman mendapati guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 10 tahun mempunyai sikap yang lebih positif terhadap perubahan kurikulum geografi berbanding guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 10 tahun. Manakala kajian Rosenholtz (1984) mendapati guru yang mempunyai pengalaman mengajar lima tahun ke atas lebih berkesan berbanding guru yang mempunyai pengalaman mengajar kurang dari tiga tahun. Kajian ini selari dengan dapatan Safarin dan Hidayah (2014) dimana dapatan secara keseluruhannya terhadap kesediaan guru dalam aspek perlaksanaan pentaksiran berada pada tahap yang sederhana. Guru-guru Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) bersedia dan mempunyai sikap yang positif dalam melaksanakan pentaksiran dengan konsep dan kaedah pentaksiran yang berpandukan Buku Pengendalian dan Pengurusan Pentaksiran Berasaskan Sekolah. Sehubungan itu penyelidik mencadangkan pelaksanaan pentaksiran berasaskan DSKP perlu dilaksanakan secara terancang dan bersistematis agar murid dapat dinilai keupayaan akademik, sahsiah dan sosial mereka dengan lebih adil dan saksama .

Bagi faktor kelompok, budaya sesebuah organisasi memainkan peranan yang penting menjamin kepuasan dalam pekerjaan. Budaya organisasi diistilahkan sebagai satu set kepercayaan, nilai dan andaian yang dikongsi bersama oleh ahli organisasi (Shein,1985), mempengaruhi prestasi dan komitmen pekerja (Lok dan Crawford, 2004), mempengaruhi tahap prestasi dan produktiviti pekerja ( Lucas, 1999), serta memberikan kesan yang besar kepada kepuasan kerja dalam menentukan sejauh mana sesebuah organisasi itu efektif, efisyen dan berdaya saing dalam mencapai kejayaan ( Lok dan Crawford, 2004)

Di Malaysia, kajian tentang kepuasan kerja dilakukan oleh Lim (1995) yang mengkaji kepuasan guru dari segi tempoh perkhidmatan. Kajian beliau menunjukkan guru yang baru berkhidmat tidak puas hati dengan tahap kerja terutamanya guru yang berkhidmat kurang dari lima tahun. Massithah (2009) dalam kajiannya turut menyatakan antara faktor-faktor yang menentukan kepuasan guru adalah faktor persekitaran tempat kerja. Di negeri Perak situasi pekerjaan, keadaan gaji, peluang kenaikan pangkat, rakan sekerja, corak penyeliaan adalah juga mempengaruh tahap kepuasan kerja guru (Kamarudin, 1995). Ini menunjukkan seseorang itu akan berasa berpuas hati terhadap apa yang

didapatinya dan akan meningkatkan lagi usaha untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang (Abdul Rahman, 2007).

## RUJUKAN

- Abd. Rahman. 2007. *Satu Tinjauan Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru-Guru Di Pengakalan TLDM Lumut.* Universiti Teknologi Malaysia : Projek Sarjana Muda.
- Black, P. & Wiliam, D. (1998). *Inside the black box: Raising standards through classroom assessment.* London: School of Education, King College
- Dennison, W.F. (1988). Education 2000: Trends, influence, and constraints to the turn of the century. *Education Management And Administration,* 16(1),33-42. Dimuat turun dari <http://journals.sagepub.com/doi/abs/10.1177/174114328801600105>
- Fullan, M., & Miles, M. (1992). *Getting reform right: What work and what doesn't.* Phi Delta Kappan, 73(10), 744-752. Dimuat turun dari <https://www.mendeley.com/research-papers/getting-reform-right-works-doesnt/> dan <http://www.emeraldinsight.com/doi/abs/10.1108/17506200710779521>
- Hargreaves, A. (1994). *Changing teacher, changing time.* New York: Teachers College Press. Dimuat turun dari <https://www.mendeley.com/research-papers/changing-teachers-changing-times-teachers-work-culture-postmodern-age/>.
- Joyce, B & Showers, B. (1988). *Staff Development and student achievement.* New York: Longman.
- Hallinger, P.& Murphy, J. (1987). Assessing and developing, principal instructional leadership. *Education Leadership,* 56-61. Dimuat turun dari [http://ascd.com/ASCD/pdf/journals/ed\\_lead/el\\_198709\\_hallinger.pdf](http://ascd.com/ASCD/pdf/journals/ed_lead/el_198709_hallinger.pdf)
- Kamarudin. 1995. *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan Kaitan Akademik Berhanti Kerja: Satu Kajian di Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia.* Kertas Projek:Universiti Pertanian Malaysia, Serdang,Selangor.
- Levin, B., & Riffel, J.A. (1998). *School and the changing world: Struggling towards the future.* London: Falmer Press. Dimuat turun melalui <http://journals.sagepub.com/doi/abs/10.1177/089202069701100104>.
- Noor Hisyam Mat Nawi. (2011). *Konsepsualisasi semula Pendidikan Islam.* Universiti Pendidikan Sultan Idris. Nur Niaga Sdn.Bhd
- Massithah (2009). *Hubungan pengajaran guru besar dengan komitmen kerja guru di sekolah rendah luar bandar.* Universiti Malaysia Sabah. The International Journal of Learning. Volume 16
- Muhammad Qutb. (1988). *Sistem Pendidikan Islam.* Terj. Salman Harun. Bandung: Al- Ma'rif
- Muhd. Nor Mahmud. (1994). *Pelaksanaan kurikulum Geografi KBSM Kajian tentang sikap guru dan masalah-masalah yang dihadapi dalam pengajaran.* Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Erma Binti Abu, & Leong Kwan Eu. (2014). *Hubungan antara sikap, minat, pengajaran guru dan pengaruh rakan sebaya terhadap pencapaian matematik tambahan tingkatan 4.* JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik, 2(1), 1-10.
- Rahimah Hj. Ahmad. (1999). Pembangunan pendidikan ke arah kecemerlangan pada alaf baru. *Seminar Kebangsaan Pembangunan Pendidikan,* 12-15 Nov.1999, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Reynold, D., Hopkinds, D., Stoll, L., Creemers, B., Bollen R., & Lagerweij, N. (1996). *Making good school: Linking school effectiveness and school improvement.* London: Routledge.
- Rosenholtz, S. J., & Smylie, M. A.\_(1984). *Teacher compensation and career ladders.* Elementary School Journal,85(2), 149-166.
- Safarin and Ismail, Nur Hidayah. (2014). *Kesediaan guru terhadap perlaksanaan pentaksiran berdasarkan sekolah bagi mata pelajaran kemahiran hidup bersepadu.* In: International Seminar on Technical and Vocational Education (TVEIS2014), 25-26 August, 2014, Skudai, Johor.
- Schmoker, M. (2006). *Result now: How can we achieve unprecedented improvements in teaching and learning.* Alexandria, VA: ASCD.
- Slavin, R. (1990). Research on cooperative learning: Consensus and controversy. *Educational Leadership,* 48(4), 52-54. Dimuat turun dari [www.mendeley.com/catalog/research-cooperative-learning-consensus-controversy/](http://www.mendeley.com/catalog/research-cooperative-learning-consensus-controversy/)
- Suah See Ling, Ong Saw Lan dan Shuki Osman. (2009). *Pentaksiran Pembelajaran Pelajar: Amalan Guru-guru di Malaysia.* Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan Universiti Sains Malaysia.
- Timperly, H.S. (2005). Instructional leadership challenges: The case of using student achievement information for instructional for improvement. *Leadership and Policy in School,* 4, 3-22. Dimuat turun dari <https://www.mendeley.com/research-papers/instructional-leadership-challenges-case-using-student-achievement-information-instructional-improve/>

## **PROFIL PERIBADI**

Nama	Artika Rasul Bin Sulaiman
Alamat	Lot 2717, Jalan Bijih, Kg.Baharu Kampung Ketapang Hilir, 26600 Pekan Pahang
Institut	Universiti Malaysia Pahang
Jawatan	Master Of Science
No.Telefon	0139024252
Email	artikarasul@yahoo.com